
IQBAL IDLAN KHALEK
lwn.
ZARINA MOHD ZAMAN

Mahkamah Sesyen, Selayang
Nor Rajiah Mat Zin HMS
[Guaman Sivil No: BD-B53KJ-5-01/2022]
2 April 2024

JADUAL KUANTUM

1. Head - Brain
2. Head - Ears
3. Head - Mouth
4. Skull - Parietal bone
5. Skull - Temporal bone
6. Facial bones - Nasal bone
7. Thorax - Lungs
8. Thorax - Rib cage
9. Clavicle and shoulder - Clavicle
10. Miscellaneous conditions - Abrasions
11. Miscellaneous conditions - Contusion
12. Miscellaneous conditions - Erectile dysfunction
13. Miscellaneous conditions - Memory impairment
14. Miscellaneous conditions - Operation scars
15. Miscellaneous conditions - Osteoarthritis
16. Miscellaneous conditions - Paraplegia
17. Miscellaneous conditions - Tinnitus

Tarikh kemalangan: 10 Oktober 2019

Ringkasan kecederaan plaintif



1. L1 burst fracture complicated with cord transection causing paraplegia
2. Right transverse process T1 & T2 fracture
3. Neurogenic bladder and bowel
4. Erectile dysfunction
5. Closed fracture of right clavicle with 1 cm shortening
6. Closed fracture of right 1st, 2nd, 3rd, 5th, 4th, 6th and 7th ribs
7. Closed fracture of left 1st and 2nd ribs
8. Lung contusion
9. Moderate traumatic brain injury with acute SAH bifrontal, left parietal and left tentorium cerebelli
10. Temporal bone fracture
11. Multiple facial fractures
12. Multiple abrasion wounds
13. Left VI nerve palsy with hypotrophy of left lateral rectus
14. Bed sore

Ketidakupayaan

1. Poor balance when sitting where it is necessary to support the body with hands when there is no back rest
2. Upper extremity pain
3. Suffers from back pain after sat for a long period of time
4. 1 cm shortening
5. Some degree of deafness in both ears (worse in left)
6. Impaired immediate recall, impaired delayed verbal recall
7. Suffers from some symptoms or impaired behavioural function
8. Suffers from vertigo and left tinnitus
9. Memory impairment



10. Personality changes, remains emotional and can be child like at times
11. Severe anxiety, severe stress and extremely severe depression
12. Clicking sound from the left jaw joint when opening his mouth
13. Restricted mouth opening
14. Deviation of the fractured nasal septum to the right
15. Bilateral deafness
16. Headache
17. Soreness around the ears
18. Skin irritations
19. Itchy ear canals
20. Inability to hear properly
21. Operation scar
22. Secondary osteoarthritis
23. Permanent scar on the sacrum due to bed sore

Umur plaintiff

- (a) Pada tarikh kemalangan: Tidak dinyatakan
- (b) Pada tarikh perbicaraan: Tidak dinyatakan

Pekerjaan plaintiff

- (a) Pada tarikh kemalangan: Pegawai pemasaran
- (b) Pada tarikh perbicaraan: Tidak dinyatakan

Pendapatan plaintiff

- (a) Pada tarikh kemalangan: Tidak dinyatakan
- (b) Pada tarikh perbicaraan: Tidak dinyatakan

Liabiliti



100% terhadap defendan

Award (Berdasarkan 100% liabiliti)

1. Gantirugi am

(a) L1 burst fracture complicated with cord- transection causing paraplegia	RM300,000.00
(b) Right transverse process T1 & T2 fracture	- RM40,000.00
(c) Neurogenic bladder and bowel	- RM70,000.00
(d) Erectile dysfunction	- RM80,000.00
(e) Closed fracture of right clavicle with 1 cm- shortening	RM28,000.00
(f) Closed fracture of right 1st, 2nd, 3rd, 5th, 4th,- 6th and 7th ribs	RM35,000.00
(g) Closed fracture of left 1st and 2nd ribs	- RM10,000.00
(h) Lung contusion	- RM10,000.00
(i) Moderate traumatic brain injury with acute- SAH bifrontal, left parietal and left tentorium cerebelli	RM200,000.00
(j) Temporal bone fracture	- RM20,000.00
(k) Personality changes	- RM50,000.00
(l) Severe anxiety, severe stress and extremely- severe depression	RM50,000.00
(m) Multiple facial fractures	- RM130,000.00
(n) Tinnitus	- RM25,000.00
(o) Bilateral deafness	- RM120,000.00
(p) Multiple abrasion wounds	- RM5,000.00
(q) Operation scar	- RM12,000.00
(r) Left VI nerve palsy with hypotrophy of left- lateral rectus	RM30,000.00
(s) Secondary osteoarthritis	- RM5,000.00



(t) Bed sore - RM10,000.00

2. Gantirugi khas

(a) Perbelanjaan perjalanan keluarga melawat-plaintif	RM1,000.00
(b) Perbelanjaan perjalanan untuk rawatan pesakit-luar	RM4,000.00
(c) Kos perjalanan diperiksa doktor pakar	- RM2,000.00
(d) Bil-bil hospital	- RM30,000.00
(e) Kos viagra	- RM65,000.00
(f) Kos perubatan dan rawatan masa hadapan	- RM13,300.00
(g) Kos fisioterapi dan pembedahan masa hadapan-(Maxillo)	RM8,000.00
(h) Kos-kos keperluan perubatan dan terapi	- RM283,320.00
(i) Kos-kos bagi item-item yang disyorkan	- RM1,200,354.00
(j) Kos alat bantuan pendengaran	- RM36,000.00
(k) Kehilangan keupayaan pendapatan	- RM100,000.00
(l) Kehilangan pendapatan	- RM15,000.00

Faedah

- (a) 5% setahun bagi faedah ke atas gantirugi am dari tarikh penyampaian writ saman hingga penghakiman.
- (b) 2.5% setahun bagi faedah ke atas gantirugi khas dari tarikh kemalangan hingga tarikh penghakiman.
- (c) 5% setahun bagi faedah ke atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman sehingga selesai pembayaran jumlah penuh penghakiman.

Kes-kes yang dirujuk:

Amierul Hanif Mokhtar & Anor v. Tan Loo Yean [2017] PILRU 5; [2018] 1 PIR 33 (dirujuk)

Hairin Nizan Hanafi v. Pandithan Rasundran [2017] MLRHU 1207 (dirujuk)

Intan Nirwana Sdn Bhd & Anor v. Srimahendran Lingam Maniam & Anor; Nayanasegar Haruskrushna (Third Party) [2012] 2 MLRH 638 (dirujuk)

Kamarul Sham Awang v. Muhammad Zulhelmi Hasni & Anor [2016] PILRU 14;



[2017] 1 PIR 24 (dirujuk)
Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor [2003] 1 MLRA 95; [2003] 2 MLJ 97; [2003] 2 CLJ 19; [2003] 2 AMR 357 (dirujuk)
Lim Sock Tee v. Liaquat Ali D Abdul Hameed [2019] 1 PIR 37 (dirujuk)
Michael Vincent v. Mohanraj Sandran & Anor [2014] PILRU 72; [2015] 2 PIR 49 (dirujuk)
Ming Holdings (M) Sdn Bhd v. Syed Azahari Noh Shahabudin & Anor [2010] 1 MLRA 786; [2010] 4 MLJ 577; [2010] 6 CLJ 857; [2010] 6 CLJ 873 (dirujuk)
Mohamad Izzuan Bujang & Anor v. Rokiah Hj Usli & Anor [2017] PILRU 249; [2019] 1 PIR 16 (dirujuk)
Mohan Subaramaniam v. Azlan Shah Sarip @ Sharif & Anor [2017] PILRU 29; [2019] 1 PIR 4 (dirujuk)
Mohd Shahril Abdul Rahman v. Ahmad Zulfendi Anuar [2021] MLRHU 808; [2021] 12 MLJ 36; [2021] 8 CLJ 292; [2021] 5 AMR 915 (dirujuk)
Muhamad Qamarul Munsyiaqbal @ Yusri v. Md Nor Zain & Anor [2020] MLRHU 121; [2020] 2 PIR 49 (dirujuk)
Murtadza Mohd Hassan v. Chong Swee Pian [1979] 1 MLRA 307; [1980] 1 MLJ 216 (dirujuk)
Muthu Kumar Krishnan v. Vijaiyan Panir Selvam & Anor [2018] PILRU 11; [2018] 1 PIR 58 (dirujuk)
Nurul Baidhatissakinah & Ors v. Baharin Salleh & Anor [2019] 1 PIR 41 (dirujuk)
Partiban Paidthaly v. Khairunurashid Chek Wan Fadzilah [2019] 1 PIR 61 (dirujuk)
Selvarajoo Iyavoo Dan Satu Lagi Iwn. Raja Gobal Muniandy [2018] PILRU 119; [2019] 1 PIR 51 (dirujuk)
Rugayah Mamat v. Xavier Thamboo (Abu Kassim Kamaruddin & Anor - Third Parties) [2022] 1 PIR 9 (dirujuk)
Siti Selmi Sayut (Menuntut Sebagai Wakil Diri Harta Pesaka Sahrul Nizam Kamal, Si Mati) v. Abdul Wahid Muhammad Rozali & Anor [2021] 1 PIR 7 (dirujuk)
Soh Ching Hock v. Rajan Sadasivar & Anor [2016] PILRU 50; [2016] 2 PIR 44 (dirujuk)
Syahrul Nizam Bahari & Anor v. Siti Farah Nabila Abd Sahak & Anor [2018] PILRU 129; [2019] 2 PIR 60 (dirujuk)
Tabarani Mohd Arsad & Anor v. Chan Tenn Yau [1999] 1 MLRH 489; [1999] 3 CLJ 188; [1999] 2 AMR 1884 (dirujuk)
Theeban Vengadesh Govintarau Iwn. Shanmugam Adiyapan & Yang Lain [2014] PILRU 165; [2015] 2 PIR 14 (dirujuk)
Yong Mee Yam v. Alpha Aesthetic Sdn Bhd & Ors [2021] MLRHU 634 (dirujuk)

Perundangan yang dirujuk:

Civil Law Act 1956, s 11

Lain-lain yang dirujuk:

Mallal's Supreme Court Practice, 2nd Edn, p 26

Kaunsel:

Bagi pihak plaintif: Mohamad Khairul Azhar Che Ali (Ros Shahira Saida Siron & Iman bersamanya); Tetuan CY Tan & Associates

Bagi pihak defendan: Parmajit Kaur (Yukasliza Che Kar & Anisha bersamanya); Tetuan VP Nathan & Partners

[Perintah sewajarnya.]

PENGHAKIMAN

Nor Rajiah Mat Zin HMS:

[1] Ini merupakan rayuan oleh pihak Defendan terhadap isu liabiliti dan kuantum iaitu Defendan bertanggung sebanyak 100% dalam menyebabkan kemalangan dengan kos mengikut skala 22.

[2] Pihak Plaintif telah memanggil dua (2) orang saksi manakala pihak Defendan memanggil dua (2) orang saksi.

[3] Tarikh-tarikh untuk serahan Hujahan Bertulis kemudian ditetapkan kepada kedua-dua pihak. Keputusan kes telah dibacakan pada 1 Februari 2024 iaitu Defendan bertanggung sebanyak 100% dalam menyebabkan kemalangan.

[4] Semasa perbicaraan, Mahkamah telah menandakan kertas-kertas kausa berikut:

- a) Ikatan Pliding - Ikatan A di Kandungan 8;
- b) Ikatan Dokumen Bersama - Ikatan B di Kandungan 9;
- c) Ikatan Dokumen Tambahan Plaintif - Ikatan C di Kandungan 17;
- d) Ikatan Dokumen Tambahan Plaintif (1) - Ikatan D di Kandungan 16;
- e) Ikatan Dokumen Tambahan Plaintif (2) - Ikatan E di Kandungan 27;
- f) Ikatan Dokumen Defendan - Ikatan F di Kandungan 24;
- g) Ikatan Dokumen Tambahan Defendan - Ikatan G di Kandungan 26;
- h) Ikatan Dokumen Tambahan (2) Defendan - Ikatan H di Kandungan 54; dan
- i) Ikatan Dokumen Tambahan Plaintif (3) - (tidak ditandakan) di Kandungan 39

[5] Seramai dua (2) orang saksi Plaintif yang telah memberikan keterangan iaitu:



SP1 - Inspektor Dzulfafizie bin Abd Rasid (Pegawai Penyiasat)

SP2 - Iqbal Idlan bin Khalek (Plaintif)

[6] SP1 dan SP2 memberikan keterangan dengan mengemukakan pernyataan saksi masing-masing dan telah ditandakan seperti berikut:

PSP1 - Pernyataan Saksi SP1

PSP2 - Pernyataan Saksi SP2

[7] Seramai dua (2) orang saksi Defendan yang telah memberikan keterangan iaitu:

SD1 - Zarina binti Mohd Zaman (Defendan)

SD2 - Shareena binti Mohd Shahri (Penumpang kereta Defendan Pertama)

[8] SD1 memberikan keterangan dengan mengemukakan pernyataan saksi dan telah ditandakan sebagai PSD1 manakala SD2 memberikan keterangan secara lisan.

[9] Semasa perbicaraan, Mahkamah telah menandakan Ikatan Dokumen-Dokumen yang dikemukakan sebagai eksibit seperti berikut:

P1	ms 140 Ikatan B (Rajah Kasar dan Kunci)
P2 (a) hingga (h)	ms 142-145 Ikatan B (Gambar-gambar kemalangan dan kenderaan)
P3	ms 141 Ikatan B (Keputusan Penyiasatan)
P4	ms 137 Ikatan B (Laporan polis Plaintif)
D5	ms 138 Ikatan B (Laporan Polis Defendan)

Fakta Kes

[10] Plaintif ialah penunggang motorsikal JSJ 6871.

[11] Defendan Pertama ialah pemandu dan pemilik motokar bernombor WVX



2207.

[12] Pada 10 Oktober 2019, jam lebih kurang 5.00 petang Plaintiff sedang menunggang motorsikal No JSJ 6871 dari Batu Muda menghala ke McDonalds Batu Caves. Apabila Plaintiff sampai di atau berhampiran Taman Industri Batu Caves, Plaintiff menunggang di laluan tengah lorong kiri jalan A ke A1 apabila Defendan yang memandu motokar No WVX 2207 yang berada di lorong kanan A1 ke A2 secara tiba-tiba dan tanpa sebarang amaran atau isyarat telah mengubah haluan ke lorong kiri jalan di hadapan Plaintiff sehingga menghalang laluan sah Plaintiff dan motorsikal No JSJ 6871 dan menyebabkan kemalangan berlaku.

[13] Defendan mengakui pelanggaran antara Plaintiff dan Defendan tetapi Defendan menafikan kecuiaan oleh Defendan dan mendakwa bahawa Plaintiff yang telah melanggar bahagian belakang motokar yang dipandu oleh Defendan.

Dapatan Mahkamah Berkenaan Isu Liabiliti

[14] Mahkamah merujuk kepada laporan polis oleh Plaintiff seperti berikut:

"Pada 10 Oktober 2019 jam lebih kurang 1700 hrs saya menunggang motorsikal No Pendaftaran JSJ 6871 jenis Yamaha Y15ZR dari arah Batu Muda menghala Mc Donalds Batu Caves. Setibanya di Taman Industri Batu Caves sewaktu itu jalan sedikit sesak dan saya berada di laluan tengah-tengah. Secara tiba-tiba sebuah motokar Alza No WVX 2207 telah mengubah haluan dari kanan ke kiri dan saya tidak sempat mengelak lalu terlanggar bahagian kiri belakang motokar tersebut. Saya tidak ingat apa-apa yang berlaku selepas itu. Sekian laporan saya."

[15] Mahkamah juga merujuk kepada laporan polis oleh Defendan seperti berikut:

"Pada 10 Oktober 2019 jam lebih kurang 1730 hrs semasa saya sedang memandu motokar Jenis Perodua Alza No Pendaftaran WVX 2207 dari pejabat MATRADE Jalan Duta Kuala Lumpur menghala balik ke Taman Samudera. Apabila saya sampai di Jalan Batu Caves, ketika itu saya berhenti di lampu isyarat merah. Tiba-tiba sebuah motorsikal jenis Yamaha Y15ZR No Pendaftaran JSJ 6871 dalam keadaan laju terus melanggar bahagian belakang motokar saya. Akibat daripada kejadian tersebut, motokar saya telah mengalami kerosakan di bahagian bumper belakang dan lain-lain kerosakan belum pasti lagi. Saya tidak mengalami apa-apa kecederaan. Sekian laporan saya."

[16] Setelah meneliti kedua-dua laporan polis Plaintiff dan laporan polis Defendan, terdapat dua versi berbeza tentang bagaimana kemalangan berlaku. Menurut Plaintiff, motokar Defendan tiba-tiba mengubah haluan dari kanan ke kiri dan masuk ke laluan Plaintiff dan menyebabkan kemalangan. Defendan pula menyatakan bahawa Plaintiff telah melanggar bahagian belakang motokar



Defendan semasa motokar Defendan berhenti di lampu isyarat merah. Oleh itu Mahkamah perlu mempertimbangkan versi mana yang lebih 'probable' dan versi mana yang tidak 'probable' dan perlu ditolak. Mahkamah merujuk kepada kes *Tabarani Mohd Arsad & Anor v. Chan Tenn Yau* [1999] 1 MLRH 489; [1999] 3 CLJ 188; [1999] 2 AMR 1884 apabila Mahkamah Tinggi Johor Bahru memutuskan seperti berikut:

"There were two versions of the accident. One version came from the respondent, plaintiff himself while the other version was that of the first appellant defendant. The trial court fell in error when it approached the case solely on the basis of deciding which story to be believed. When confronted with two conflicting versions, the duty of the trial court was to consider which version was inherently probable or improbable. The trial court should have been more meticulous and considered other probable versions provided they were within the scope and ambit of the pleadings and supportable by admissible evidence including the neutral ones. This approach provides a wide leverage for the trial court to manoeuvre bearing in mind, always, the testimony of the credible witness."

[17] Dalam menentukan versi mana yang lebih 'probable' Mahkamah merujuk semula kepada saksi-saksi yang telah memberikan keterangan iaitu:

a) Keterangan Pegawai Penyiasat (IO)

Keterangan IO semasa Pemeriksaan Utama adalah seperti berikut:

1. IO telah pergi ke tempat kejadian pada keesokan hari kemalangan dan menyediakan rajah kasar dan kunci yang ditandakan sebagai P1;
2. IO menyatakan keterangan kedua-dua Plaintiff dan Defendan adalah konsisten dengan laporan polis masing-masing;
3. IO memberikan keterangan bahawa terdapat lampu isyarat dalam jarak 50 meter di hadapan dari lokasi pelanggaran;
4. IO menyatakan dari arah Sentul terdapat dua (2) lampu isyarat iaitu satu (1) lampu isyarat untuk jalan terus ke hadapan dan satu (1) lampu isyarat untuk belok ke kanan;
5. IO juga mengatakan bahawa kedua-dua lampu isyarat tersebut akan bertukar warna hijau secara serentak selepas warna merah;
6. IO memberikan keterangan arah perjalanan kedua-dua kenderaan dari bawah ke atas Rajah Kasar dan Kunci;
7. IO memberikan keterangan bahawa penunggang motorsikal berada di tengah-tengah garisan putus-putus sebelum kemalangan dan pemandu motokar iaitu Defendan berada di lorong kanan sebelum kemalangan;



8. IO telah menandakan A3 sebagai tempat kemalangan iaitu menghampiri garisan putus-putus di tengah jalan berdasarkan keterangan oleh kedua-dua Plaintiff dan Defendan;

9. IO menyatakan kerosakan pada motokar Defendan adalah pada bahagian bumper belakang, bumper sebelah kiri belakang dan kerosakan motorsikal Plaintiff adalah pada pedal brek dan handle bengkok;

10. IO menyatakan kelajuan motorsikal Plaintiff semasa kemalangan adalah lebih kurang 20 km sejam; dan

11. IO memberikan keterangan bahawa tiada saksi bebas:

Semasa Pemeriksaan Balas, IO menyatakan cuaca semasa kemalangan adalah hujan renyai-renyai dan jalan adalah basah berdasarkan keterangan kedua-dua pihak Plaintiff dan Defendan.

b) Keterangan Plaintiff

[18] Keterangan Plaintiff semasa pemeriksaan utama adalah seperti berikut:

1. Plaintiff menunggang di laluan A - A1 iaitu lorong kiri dan menyatakan beliau menunggang di laluan tengah berdekatan garisan putus-putus A1 apabila motokar Defendan secara tiba-tiba mengubah haluan ke lorong kiri A - A1 dan masuk ke laluan beliau; dan

2. Plaintiff menandakan tandaan 'X' sebagai tempat pelanggaran pada Rajah Kasar dan Kunci.

[19] Plaintiff juga dalam keterangan menegaskan bahawa laluan di sebelah kiri beliau terdapat kenderaan lain dan apabila sampai di lokasi 'X', keadaan lorong kiri adalah kosong yang boleh memuatkan 1 atau 2 kenderaan di hadapan dan di kanan beliau kenderaan bergerak perlahan.

[20] Semasa Pemeriksaan Balas, Plaintiff telah mengaku bahawa beliau tidak mempunyai lesen menunggang motorsikal dan motorsikal tersebut dimiliki oleh kawan Plaintiff. Semasa Pemeriksaan Semula, semasa disoal semula oleh peguam Plaintiff berkenaan ketiadaan lesen menunggang motorsikal, Plaintiff memberikan keterangan bahawa beliau mahir menunggang motorsikal walaupun tidak mempunyai lesen menunggang motorsikal.

c) Keterangan Defendan

[21] Mahkamah seterusnya meneliti keterangan oleh Defendan. Keterangan Defendan adalah sebagaimana berikut:

1. Semasa Pemeriksaan Balas, Defendan mengesahkan bahawa semasa tiba di lokasi pelanggaran, lorong di sebelah kiri beliau adalah



kosong;

2. Defendan memberikan keterangan bahawa di hadapan beliau hanya terdapat 2 hingga 3 buah motokar sahaja semasa beliau berhenti di lampu isyarat (keterangan ini adalah bercanggah dengan keterangan IO yang membuat anggaran jarak sebanyak 50 meter ke hadapan dari lokasi pelanggaran);

3. Defendan menjawab 'tidak pasti' apabila disoal balas tentang jarak motokar beliau dengan kenderaan di hadapan dan di belakang;

4. Defendan mengatakan beliau ingin membelok ke simpang kanan selepas lampu isyarat tersebut;

5. Defendan juga bersetuju bahawa jika beliau memandu terus di lorong kiri A - A1, beliau masih boleh menghala pulang ke rumah di Taman Samudera;

6. Defendan juga bersetuju bahawa lampu isyarat berwarna hijau untuk menghala terus dan membelok ke kanan di tempat kemalangan akan menyala serentak;

7. Defendan juga bersetuju bahawa tiada kenderaan di laluan A - A1 semasa kemalangan;

8. Defendan bersetuju semasa disoal balas bahawa keadaan trafik di lorong kanan adalah bergerak perlahan;

9. Defendan mengatakan motokar beliau dilanggar dari belakang oleh Plaintiff dan menandakan 'Y' sebagai tempat kemalangan. Defendan juga tidak terus turun daripada motokar selepas pelanggaran sebaliknya Defendan telah mengalihkan motokar beliau ke Jalan Industri Batu Caves 1;

10. Defendan bersetuju bahawa kerosakan motokar beliau bukan di belakang tetapi di penjuru bumper sebelah kiri; dan

11. Defendan menyatakan bahawa motorsikal Plaintiff ditunggang dengan laju tetapi Defendan hanya menyedari kehadiran motorsikal Plaintiff apabila terdengar hentaman dari arah belakang.

[22] Oleh itu, Mahkamah ini telah mengambil kira sikap (demeanour) Defendan dalam memberikan keterangan semasa perbicaraan dalam memutuskan sama ada keterangan Defendan boleh diterima oleh Mahkamah ini ataupun tidak. Mahkamah merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Ming Holdings (M) Sdn Bhd v. Syed Azahari Noh Shahabudin & Anor* [2010] 1 MLRA 786; [2010] 4 MLJ 577; [2010] 6 CLJ 857; [2010] 6 CLJ 873 apabila Mahkamah memutuskan:

"[41] Before we leave this subject and move on to the next two



questions, we feel a need to remind that a trial judge has the advantage over an appellate court in hearing the witness and observing his demeanour. Thus, unless the trial judge is plainly wrong in his finding, the appellate court should not reverse a finding of fact by the trial judge."

[23] Dalam kes *Yong Mee Yam v. Alpha Aesthetic Sdn Bhd & Ors* [2021] MLRHU 634, YA Pesuruhjaya Kehakiman Liza Chan Sow Keng telah merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan *Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor* [2003] 1 MLRA 95; [2003] 2 MLJ 97; [2003] 2 CLJ 19; [2003] 2 AMR 357 apabila Y.A. Gopal Sri Ram menyatakan tentang keperluan untuk menilai keterangan dan menimbang keterangan dan menerima atau menolak keterangan tersebut dengan sewajarnya atas alasan-alasan yang kukuh. Mahkamah Rayuan dalam kes *Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor* (*supra*) telah memutuskan seperti berikut:

"Suffice to say that we re-affirm the proposition that an appellate court will not, generally speaking, intervene unless the trial court is shown to be plainly wrong in arriving at its decision. But appellate interference will take place in cases where there has been no or insufficient judicial appreciation of the evidence. It is, we think appropriate that we say what judicial appreciation of evidence involves. **A judge who is required to adjudicate upon a dispute must arrive at his decision on an issue of fact by assessing, weighing and, for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any part of the evidence placed before him.** He must, when deciding whether to accept or to reject the evidence of a witness, test it against relevant criteria. Thus, he must take into account the presence or absence of any motive that a witness may have in giving his evidence. If there are contemporary documents, then he must test the oral evidence of a witness against these. He must also test the evidence of a particular witness against the probabilities of the case. A trier of fact who makes findings based purely upon the demeanour of a witness without undertaking a critical analysis of that witness' evidence runs the risk of having his findings corrected on appeal. It does not matter whether the issue for decision is one that arises in a civil or criminal case: the approach to judicial appreciation of evidence is the same."

[Emphasis Added]

d) Keterangan Shareena Binti Mohd Shahri (SD2)

[24] Mahkamah seterusnya meneliti keterangan oleh penumpang motokar Defendan iaitu SD2 yang memberikan keterangan sebagaimana berikut:

1. SD2 mengesahkan bahawa laluan A - A1 juga boleh digunakan untuk ke sekolah anak SD2;
2. SD2 juga bersetuju bahawa lampu isyarat berwarna hijau untuk menghalau terus dan membelok ke kanan di tempat kemalangan akan



menyala serentak;

3. SD2 juga mengesahkan bahawa tiada kenderaan di laluan A - A1 semasa kemalangan;
4. SD2 mengesahkan keadaan trafik hanya sesak sedikit dan kenderaan di lorong kanan sedang bergerak perlahan dan bukan dalam keadaan berhenti seperti keterangan Defendan;
5. SD2 mengesahkan selepas mendengar hentaman di belakang motokar Defendan, Defendan telah mengalihkan motokar terlebih dahulu sebelum SD2 keluar dan mengambil gambar kemalangan;
6. SD2 mengakui sedang berbual-bual dengan Defendan sebelum kemalangan berlaku dan SD2 hanya menyedari kehadiran motorsikal Plaintiff selepas berlaku hentaman di belakang motokar Defendan; dan
7. SD2 juga bersetuju bahawa kerosakan motokar Defendan adalah di penjuru bumper sebelah kiri sahaja dan tiada sebarang kerosakan pada bahagian tengah belakang motokar Defendan tersebut.

[25] Berdasarkan keterangan saksi-saksi Plaintiff dan saksi-saksi Defendan, Mahkamah mendapati bahawa versi Plaintiff iaitu motokar Defendan telah mengubah haluan dari lorong kanan ke lorong kiri jakan ialah versi yang amat 'probable'. Mahkamah juga merujuk kepada Rajah Kasar dan Kunci berkenaan dengan keterangan Plaintiff bahawa beliau menunggang di laluan A - A1 iaitu lorong kiri jalan. Plaintiff dalam keterangan beliau menegaskan bahawa beliau menunggang di laluan tengah berdekatan dengan garisan putus-putus A1 apabila motokar Defendan secara tiba-tiba mengubah haluan ke lorong kir A - A1 dan masuk ke laluan Plaintiff. Plaintiff juga telah menandakan 'X' sebagai tempat pelanggaran dan memberikan keterangan sebelum Plaintiff tiba di lokasi pelanggaran 'X', laluan di sebelah kiri beliau terdapat kenderaan lain dan apabila Plaintiff sampai di lokasi pelanggaran 'X', keadaan lorong kiri adalah kosong dan keadaan trafik di kanan Plaintiff dalam keadaan bergerak perlahan. Semasa Pemeriksaan Balas, Defendan juga mengesahkan bahawa semasa tiba di lokasi pelanggaran, lorong di sebelah kiri Defendan adalah kosong.

[26] Keterangan daripada saksi yang tidak berkepentingan iaitu Pegawai Penyiasat (SP1) menunjukkan bahawa dalam jarak 50 meter ke hadapan dari lokasi pelanggaran terdapat lampu isyarat. SP1 telah pergi ke tempat kejadian untuk menyiasat lokasi kemalangan setelah menerima laporan. Mahkamah mendapati keterangan Defendan yang mengatakan di hadapan beliau hanya terdapat 2 hingga 3 buah motokar sahaja semasa berhenti di lampu isyarat adalah bercanggah dengan siasatan SP1 yang membuat anggaran jarak 50 meter dari lokasi kemalangan ke lampu isyarat di hadapan. Keterangan Defendan dilihat agak meragukan tambahan lagi Defendan mengatakan bahawa Defendan sudah biasa dengan laluan tersebut. Defendan juga semasa memberikan keterangan di Mahkamah tidak dapat memberikan jawapan yang tepat berkenaan dengan jarak motokar Defendan dengan kenderaan di



hadapan dan di belakang serta hanya menjawab 'tidak pasti'. Ketidakpastian Defendan dalam perkara ini menunjukkan seolah-olah motokar Defendan bukan dalam keadaan berhenti sebelum kemalangan berlaku.

[27] Mahkamah juga merujuk kepada versi kemalangan oleh Plaintiff iaitu Defendan mengubah haluan dari lorong A1 - A2 ke laluan Plaintiff di lorong A - A1. Defendan pula mengatakan Plaintiff melanggar Defendan dari arah belakang semasa Defendan sedang berhenti di lorong A1 - A2. Mahkamah berpendapat jika benar Defendan sedang berhenti di lorong A1 - A2, adalah mustahil untuk Plaintiff melanggar belakang motokar Defendan kerana laluan A - A1 di sebelah kiri adalah kosong dan tiada kenderaan lain semasa Plaintiff tiba di lokasi kemalangan. Pelanggaran pada belakang kiri motokar Defendan menunjukkan bahawa Defendan tidak berhenti di lorong A1 - A2 tetapi Defendan sedang mengubah haluan ke lorong kiri sehingga menghalang arah perjalanan Plaintiff. Daripada keterangan Defendan, Mahkamah mendapati Defendan mengatakan beliau ingin membelok ke simpang kanan selepas lampu isyarat tetapi pada masa yang sama Defendan turut bersetuju bahawa jika beliau memandu terus di lorong A - A1, beliau masih boleh menghala pulang ke rumah di Taman Samudera. Defendan juga mengesahkan bahawa laluan A - A1 juga boleh digunakan untuk ke sekolah anak SD2.

[28] Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff bahawa Defendan tidak semestinya kekal di lorong kanan semata-mata kerana laluan A - A1 (lorong kiri Defendan) masih boleh dilalui untuk menghala ke rumah Defendan. Tambahan lagi, keterangan Plaintiff menunjukkan bahawa semasa Plaintiff tiba di lokasi pelanggaran 'X', lorong kiri A - A1 adalah lapang dan perkara ini telah diakui sendiri oleh Defendan dan SD2. Plaintiff juga memberikan keterangan bahawa semasa Plaintiff tiba di lokasi 'X', motokar Defendan telah secara tiba-tiba mengubah haluan ke lorong kiri sehingga menghalang perjalanan Plaintiff dan menyebabkan kemalangan. Mahkamah mendapati versi Plaintiff adalah lebih '*probable*' kerana Defendan dan SD2 sendiri tidak menafikan bahawa mereka boleh juga menggunakan laluan lorong kiri tersebut untuk menghala ke rumah mereka.

[29] Daripada keterangan saksi-saksi, Mahkamah berpendapat bahawa kemalangan ini berpunca daripada kecuaiian Defendan yang sedang mengubah haluan ke lorong kiri A - A1 tanpa memberikan laluan terlebih dahulu kepada Plaintiff yang sedang menunggang motorsikal di garisan putus- putus laluan A - A1 tersebut. Jika dakwaan Defendan bahawa beliau kekal berada di lorong kanan A1 - A2 adalah benar, Plaintiff tidak akan mempunyai ruang dan sebab atau possibility untuk melanggar penjurong kiri motokar Defendan tersebut. Defendan juga dalam keterangan beliau mengatakan kedudukan motokar beliau berada di tengah-tengah lorong A1 - A2. Defendan juga bersetuju dengan cadangan peguam Plaintiff bahawa jika motokar Defendan berada di tengah-tengah lorong A1 - A2, motorsikal Plaintiff akan mempunyai laluan dan ruang di garisan putus-putus tersebut tanpa perlu Plaintiff memasuki lorong A1 - A2 dan melanggar motokar Defendan.

[30] Defendan juga memberikan keterangan bahawa beliau bersetuju bahawa lampu isyarat berwarna hijau untuk menghala terus dan membelok ke kanan



di tempat kemalangan akan menyala serentak. Defendan dan SD2 juga bersetuju bahawa mereka boleh menghala terus untuk ke destinasi mereka. Plaintiff, Defendan dan SD2 juga telah mengesahkan bahawa tiada kenderaan lain di laluan A - A1 semasa kemalangan. Berdasarkan keterangan tersebut sahaja Mahkamah berpendapat 'on the balance of probabilities', Defendan yang telah mengubah mengubah haluan dari lorong kanan A1 - A2 ke lorong kiri A - A1. Tambahan lagi Defendan mengesahkan bahawa laluan beliau di lorong A1 - A2 adalah sesak berbanding lorong kiri di sebelah motokar Defendan adalah kosong.

[31] Mahkamah juga merujuk kepada keterangan Plaintiff yang mengatakan bahawa keadaan trafik sebelum kemalangan hanya sesak sedikit dan mengatakan bahawa kenderaan di lorong kanan beliau sedang bergerak perlahan dan bukan berhenti seperti yang didakwa oleh Defendan dan SD2. Keterangan Plaintiff ini juga disokong oleh keterangan SD2 yang turut mengatakan bahawa keadaan trafik adalah biasa dan bukan sesak dan berhenti. Defendan juga semasa Pemeriksaan Balas bersetuju dengan cadangan peguam Plaintiff bahawa keadaan di lorong kanan adalah bergerak perlahan. Keterangan Defendan tersebut sangat menyokong versi Plaintiff bahawa Defendan bukan berhenti sebelum kemalangan tetapi sedang bergerak dan atas sebab itu Defendan telah memilih untuk mengubah haluan ke lorong kiri jalan yang kosong sehingga menghalang perjalanan Plaintiff.

[32] Berdasarkan keterangan Defendan, beliau mengatakan motokar beliau dilanggar oleh Plaintiff dari belakang. Defendan juga telah menandakan huruf 'Y' sebagai tempat kemalangan. Defendan juga mengatakan Defendan tidak terus turun daripada motokar sebaliknya Defendan mengalihkan motokar beliau ke Jalan Industri Batu Caves 1. SD2 iaitu penumpang motokar Defendan juga mengesahkan bahawa selepas mendengar hentaman dari belakang, Defendan telah mengalihkan motokar terlebih dahulu sebelum SD2 keluar dan mengambil gambar-gambar kemalangan. Keterangan Defendan dan SD2 menunjukkan bahawa motokar Defendan bukan dalam keadaan berhenti semasa kemalangan kerana motokar Defendan masih boleh digerakkan ke hadapan selepas kemalangan berlaku. Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff bahawa jika motokar Defendan dalam keadaan berhenti semasa lampu isyarat merah, Defendan sudah pasti tidak akan dapat mengalihkan motokar beliau kerana terdapat kenderaan lain di hadapan motokar Defendan.

[33] Mahkamah juga merujuk kepada keterangan Defendan dalam laporan polis beliau yang mengatakan bahawa Plaintiff telah menunggang dalam keadaan laju dan melanggar bahagian belakang motokar Defendan. Walau bagaimanapun, semasa Pemeriksaan Balas, Defendan bersetuju dengan cadangan peguam Plaintiff bahawa kerosakan motokar Defendan bukan di bahagian belakang tetapi pada penjuror bumper sebelah kiri. Defendan dan SD2 juga memberikan keterangan bahawa kedua-dua hanya menyedari kehadiran motorsikal Plaintiff apabila mendengar hentaman dari arah belakang. Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff bahawa keterangan Defendan yang mengatakan Plaintiff menunggang motorsikal dengan laju hanya andaian Defendan sahaja. Tambahan lagi, SD2 iaitu



penumpang di sebelah Defendan juga mengakui bahawa SD2 sedang berbual-bual dengan Defendan sebelum kemalangan berlaku dan perhatian SD2 lebih ke hadapan. SD2 juga hanya menyedari kehadiran motorsikal Plaintiff selepas berlaku hentaman dari belakang motokar Defendan. Mahkamah berpendapat bahawa kedua-dua Defendan dan SD2 tidak mengetahui arah perjalanan Plaintiff kerana mereka hanya menyedari kehadiran motorsikal Plaintiff selepas berlaku hentaman dari arah belakang motokar Defendan. Defendan dan SD2 juga bersetuju bahawa kerosakan belakang yang dimaksudkan adalah pada bahagian penjuru sebelah kiri bumper motokar Defendan sahaja dan tiada sebarang kerosakan pada bahagian tengah belakang motokar Defendan.

[34] Mahkamah mendapati keterangan Defendan adalah bercanggah dengan laporan polis yang dibuat dan Defendan seolah-olah cuba menyembunyikan fakta sebenar kemalangan sehingga Defendan disoal balas oleh peguam Plaintiff. Keterangan Defendan kepada Pegawai Penyiasat dan laporan polis jelas tidak menunjukkan versi sebenar kemalangan berlaku. Mahkamah merumuskan keterangan Defendan dan SD2 yang kelihatan bercanggah dan mengelirukan seperti berikut:

1. Dakwaan motokar Defendan dalam keadaan berhenti dan terdapat kenderaan lain di hadapan tetapi gagal memberitahu jarak motokar Defendan dengan kenderaan di hadapan;
2. Dakwaan Defendan bahawa di hadapan motokar Defendan terdapat 2 hingga 3 kenderaan sahaja sedangkan siasatan Pegawai Penyiasat menunjukkan bahawa jarak lokasi kemalangan dengan lampu isyarat di hadapan adalah 50 meter;
3. Dakwaan Plaintiff menunggang dengan laju sedangkan Defendan dan SD2 hanya mengetahui kehadiran motorsikal Plaintiff setelah hentaman berlaku dari belakang;
4. Dakwaan Plaintiff melanggar bahagian belakang motokar Defendan sedangkan kerosakan pada motokar Defendan adalah jelas pada penjuru kiri bumper belakang sahaja;
5. Dakwaan motokar Defendan dalam keadaan berhenti dan terdapat kenderaan lain di hadapan tetapi Defendan masih boleh mengalihkan motokar Defendan setelah dilanggar oleh motorsikal Plaintiff;
6. Dakwaan motokar Defendan dalam keadaan berhenti tetapi bersetuju dengan cadangan peguam Plaintiff semasa Pemeriksaan Balas bahawa kenderaan di lorong A1 - A2 sedang bergerak; dan
7. Dakwaan Defendan membuat laporan polis bersama adik tetapi SD2 mengatakan Defendan membuat laporan polis bersama SD2.

[35] Berdasarkan kerosakan pada motokar Defendan pada bahagian penjuru kiri bumper sahaja dan disokong oleh keterangan Pegawai Penyiasat bahawa tiada kerosakan pada bahagian tengah belakang motokar Defendan,



Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff bahawa kerosakan tersebut sememangnya menyokong versi Plaintiff bahawa Defendan sedang mengubah haluan ke lorong kiri secara tiba-tiba. Tambahan lagi Plaintiff memberikan keterangan bahawa tiada kenderaan di lorong kiri motokar Defendan. Mahkamah juga merujuk kepada keterangan Pegawai Penyiasat bahawa kerosakan motorsikal Plaintiff adalah pada bahagian pedal brek dan handle adalah bengkok. Pedal brek terletak pada sebelah kanan dan kerosakan pada pedal brek menyokong versi Plaintiff bahawa semasa Plaintiff menunggang terus ke hadapan, Defendan dengan secara tiba-tiba telah menukar haluan ke lorong kiri sehingga menghalang perjalanan sah Plaintiff.

[36] Mahkamah juga berpendapat Plaintiff tidak menyumbang cuai dalam menyebabkan kemalangan ini. Plaintiff berada di laluan sah Plaintiff iaitu di lorong kiri jalan dan tiada apa-apa yang menghalang motorsikal Plaintiff untuk meneruskan perjalanan ke hadapan selain kehadiran motokar Defendan secara tiba-tiba ke laluan kiri dan menghalang laluan sah Plaintiff. Tindakan Defendan yang mengubah haluan ke lorong kiri jalan di laluan sah Plaintiff ialah punca kemalangan berlaku. Walaupun Plaintiff tidak mempunyai lesen menunggang motorsikal, Plaintiff memberikan keterangan bahawa beliau mahir dalam menunggang motorsikal. Kehadiran motokar Defendan secara tiba-tiba ke laluan sah Plaintiff sudah pasti akan menyebabkan Plaintiff tidak sempat untuk mengelak motokar Defendan sekalipun Plaintiff mempunyai lesen menunggang motorsikal. Kemalangan ini tidak akan berlaku sekiranya tiada kecuaiannya daripada pihak Defendan dalam mengendalikan motokar Defendan sehingga memasuki laluan sah Plaintiff dan menyebabkan kemalangan berlaku.

[37] Bagi isu ketiadaan lesen, Mahkamah merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan *Ahmad Zulfendi Anuar v. Mohd Shahril Abdul Rahman A-04(NCVC)(W)-246-05/2021* yang telah mengakas keputusan Mahkamah Tinggi Ipoh dalam kes *Mohd Shahril Abdul Rahman v. Ahmad Zulfendi Anuar* [2021] MLRHU 808; [2021] 12 MLJ 36; [2021] 8 CLJ 292; [2021] 5 AMR 915. Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa isu ketiadaan lesen bukan faktor yang relevan dalam kes kemalangan jalan raya kerana kemalangan jalan raya melibatkan isu kecuaiannya.

[38] Keterangan Plaintiff menunjukkan bahawa walaupun Plaintiff tidak mempunyai lesen, Plaintiff berpengalaman dalam mengendalikan motorsikal. Oleh itu Mahkamah berpendapat bahawa isu ketiadaan lesen bukan penghalang untuk Plaintiff berjaya dalam tuntutan kerana isu utama yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ini adalah sama ada Defendan cuai dan menyebabkan kemalangan ini.

[39] Daripada keterangan saksi-saksi Plaintiff dan saksi-saksi Defendan serta bukti-bukti dokumen yang dikemukakan, Mahkamah mendapati bahawa Defendan sebenarnya telah mengubah laluan ke kiri dari lorong A1 - A2 dan telah menyebabkan pelanggaran dengan Plaintiff. Berdasarkan keseluruhan keterangan oleh semua saksi Plaintiff berkenaan dengan isu liabiliti, Mahkamah mendapati Plaintiff telah melepaskan beban pembuktian seperti yang diplidkan oleh Plaintiff.



Dapatan Mahkamah Berkenaan Isu Kuantum

[40] Di dalam memberikan award ini, Mahkamah telah menjadikan kes duluan dan juga Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 sebagai panduan. Setelah meneliti Hujahan Bertulis kedua-dua pihak dan otoriti-otoriti yang dikemukakan, Mahkamah membuat keputusan award bagi ganti rugi (atas dasar 100% liabiliti) seperti berikut:

Kuantum**A) Gantirugi Am Atas Dasar 100% Liabiliti - RM1,230,000.00**

1.	L1 burst fracture complicated with cord transection causing paraplegia	-	RM300,000.00
2.	Right transverse process T1 & T2 fracture	-	RM40,000.00
3.	Neurogenic bladder and bowel	-	RM70,000.00
4.	Erectile dysfunction	-	RM80,000.00
5.	Closed fracture of right clavicle with 1 cm shortening	-	RM28,000.00
6.	Closed fracture of right 1st, 2nd, 3rd, 5th, 4th, 6th and 7th ribs	-	RM35,000.00
7.	Closed fracture of left 1st and 2nd ribs	-	RM10,000.00
8.	Lung contusion	-	RM10,000.00
9.	Moderate traumatic brain injury with acute SAH bifrontal, left parietal and left tentorium cerebelli	-	RM200,000.00
10.	Temporal bone fracture	-	RM20,000.00
11.	Personality changes	-	RM50,000.00
12.	Severe anxiety, severe stress and	-	RM50,000.00



	extremely severe depression		
13.	Multiple facial fractures	-	RM130,000.00
14.	Tinnitus	-	RM25,000.00
15.	Bilateral deafness	-	RM120,000.00
16.	Multiple abrasion wounds	-	RM5,000.00
17.	Operation scar	-	RM12,000.00
18.	Left VI nerve palsy with hypotrophy of left lateral rectus	-	RM30,000.00
19.	Secondary osteoarthritis	-	RM5,000.00
20.	Bed sore	-	RM10,000.00

B) Gantirugi Khas Atas Dasar 100% Liabiliti - RM1,757,974.00

1.	Item 1: Perbelanjaan Perjalanan Keluarga Melawat Plaintiff (dipersetujui)	-	RM1,000.00
2.	Item 2: Perbelanjaan Perjalanan Untuk Rawatan Pesakit Luar (dipersetujui)	-	RM4,000.00
3.	Item 3: Kos Perjalanan Diperiksa Doktor Pakar (dipersetujui)	-	RM2,000.00
4.	Item 4: Bil-bil Hospital (dipersetujui)	-	RM30,000.00
5.	Item 5: Kos-Kos Dokumen (Item 5 - 8)	-	Kos Tindakan
6.	Item 11: Kos Viagra (dipersetujui)	-	RM65,000.00



7.	Item 17: Kos Perubatan dan Rawatan Masa Hadapan (dipersetujui)	-	RM13,300.00
8.	Item 18: Kos Fisioterapi dan Pembedahan Masa Hadapan (Maxillo) (dipersetujui)	-	RM8,000.00
9.	Item 19 - 26: Kos-Kos Keperluan Perubatan dan Terapi (dipersetujui)	-	RM283,320.00
10.	Item 27 - 32: Kos-Kos Bagi Item-Item yang Disyorkan (dipersetujui)	-	RM1,200,354.00
11.	Item 34: Kos Alat Bantuan Pendengaran (dipersetujui)	-	RM36,000.00
12.	Item 35: Kehilangan Keupayaan Pendapatan (dipersetujui)	-	RM100,000.00
13.	Item 36: Kehilangan Pendapatan (dipersetujui)	-	RM15,000.00
14.	Item 9, 10, 12, 13, 15, 16, 33, 37, 38, 39 (ditarik balik)	-	Dibatalkan

Faedah

- (a) 5% bagi ganti rugi am dikira dari tarikh penyerahan saman sehingga tarikh penghakiman;
- (b) 2.5% bagi ganti rugi khas dikira dari tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman; dan
- (c) 5% ke atas jumlah penghakiman dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh pembayaran penuh.
- (d) Tiada faedah bagi award masa hadapan.

Kos Tindakan adalah mengikut skala yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

Atas persetujuan Plaintiff, jumlah penghakiman dimasukkan ke dalam akaun pelanggan Tetuan CY Tan & Associates untuk dibayar kepada Plaintiff.



[41] Di samping liabiliti, Defendan juga tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah terhadap kuantum ganti rugi am. Mahkamah merujuk kepada laporan-laporan perubatan berikut dalam menimbang ganti rugi Am kepada Plaintif:

- 1) Laporan Perubatan Hospital Selayang bertarikh 3 Oktober 2020 (Ortopedik);
- 2) Laporan Perubatan Hospital Selayang bertarikh 28 September 2020 (General Surgery);
- 3) Laporan Perubatan Hospital Selayang bertarikh 9 Oktober 2020 (Kecemasan);
- 4) Laporan Perubatan Hospital Rehabilitasi Cheras bertarikh 18 September 2020 (Spinal Rehabilitation);
- 5) Laporan Perubatan Rehabilitasi Cheras Hospital bertarikh 14 Oktober 2020 (Acquired Brain Injury (ABI) Rehabilitation Unit);
- 6) Laporan Perubatan daripada Hospital Sungai Buloh bertarikh 18 Ogos 2020;
- 7) Laporan Perubatan daripada Hospital Sungai Buloh bertarikh 30 September 2020 (Orthopaedic);
- 8) Laporan Perubatan Hospital Sungai Buloh bertarikh 8 September 2020 (General Surgery);
- 9) Laporan Perubatan Hospital Sungai Buloh bertarikh 10 September 2020 (Otorhinolaryngology);
- 10) Laporan Perubatan Hospital Sungai Buloh bertarikh 24 Ogos 2020 (Oral & Maxillofacial Surgery);
- 11) Laporan Perubatan Hospital Sungai Buloh bertarikh 20 Ogos 2020 (Neurosurgery);
- 12) Laporan Perubatan Hospital Sungai Buloh bertarikh 18 Ogos 2020 (Ophthalmology);
- 13) Laporan Klarifikasi Hospital Sungai Buloh bertarikh 23 November 2020 (Oral & Maxillofacial Surgery);
- 14) Laporan Pakar Gleneagles Hospital bertarikh 18 Januari 2021 (Oral & Maxillofacial Surgery);
- 15) Laporan Pakar Putra Medical Centre bertarikh 26 Februari 2021 (Orthopaedic);



- 16) Laporan Pakar Ara Damansara Medical Centre bertarikh 20 April 2021 (Neurology);
- 17) Laporan Pakar UM Specialist Centre Sdn Bhd bertarikh 20 September 2021 (Urology);
- 18) Laporan pakar UM Specialist Centre Sdn Bhd bertarikh 15 November 2021 (ENT);
- 19) Laporan Pakar Regen Rehab Hospital bertarikh 28 Januari 2021;
- 20) Laporan Audiological Soundlife Hearing bertarikh 28 Januari 2022;
- 21) Laporan Pakar Thompson Hospital bertarikh 20 September 2022 (Urology);
- 22) Laporan Pakar Selangor Specialist Hospital bertarikh 19 Julai 2022 (Orhopaedic);
- 23) Laporan Pakar Selangor Specialist Hospital bertarikh 1 September 2022 (ENT);
- 24) Laporan Pakar University Malaya bertarikh 27 Julai 2022 (Neurology); dan
- 25) Laporan Rehabilitasi bertarikh 11 November 2022 daripada Professor Nathan (Rehab).

Defendan yang tidak berpuas hati terhadap isu kuantum ganti rugi am merayu terhadap kuantum tersebut seperti berikut.

Ganti Rugi Am

1. L1 Burst Fracture Complicated With Cord Transection Causing Paraplegia - RM300,000.00

[42] Peguam Plaintiff menghujahkan RM400,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Sesyen *Muhamad Qamarul Munsyiaqbal @ Yusri v. Md Nor Zain & Anor* [2020] MLRHU 121; [2020] 2 PIR 49 apabila Mahkamah mengawardkan sebanyak RM250,000.00 bagi kecederaan 'burst fracture of the 12th thoracic vertebra with spinal canal stenosis and spinal canal injury at level T12/L1 and dislocation of the 11th and 12th thoracic vertebrae resulting in complete paraplegia'. Peguam Defendan pula menghujahkan sebanyak RM160,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Sesyen *Mohamad Izzuan Bujang & Anor v. Rokiah Hj Usli & Anor* [2017] PILRU 249; [2019] 1 PIR 16 apabila Mahkamah mengawardkan RM130,000.00 bagi kecederaan 'spinal cord contusion (C5 to T1) with interspinous ligament injury (C6 - C7) and with posterior instrumentation (C5 to C7) inserted'.



[43] Mahkamah merujuk kepada julat kecederaan 'Fracture of the vertebra causing paraplegia' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM220,000.00 ke RM300,000.00. Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff bahawa Plaintiff mempunyai batas pergerakan dan terpaksa mengharungi keadaan tersebut sehingga ke akhir hayat Plaintiff. Doktor Pakar Rehabilitasi juga berpendapat bahawa kecacatan dan keilangan Plaintiff tersebut adalah kekal dan Plaintiff tidak dijangka akan mengalami sebarang pemulihan pada masa akan datang.

[44] Mahkamah merujuk kepada Laporan Pakar Rehabilitasi pihak Defendan yang juga mengesahkan bahawa Plaintiff masih mempunyai keseimbangan yang tidak baik ketika dalam posisi duduk di atas katil. Plaintiff perlu menyokong badan Plaintiff menggunakan tangan Plaintiff apabila tiada "back rest". Tindakan Plaintiff akan menyebabkan tenaga dan otot Plaintiff di bahagian atas akan digunakan secara berlebihan dan jika keadaan ini digunakan secara berterusan Doktor Pakar Rehabilitasi Plaintiff menyatakan bahawa lama-kelamaan Plaintiff akan mengalami 'upper extremity pain'. Oleh itu Mahkamah berpendapat amaun RM300,000.00 adalah wajar dan berpadanan dengan kecederaan 'L1 burst fracture complicated with cord transection causing paraplegia' yang dialami oleh Plaintiff disebabkan oleh kemalangan ini.

2. Right Transverse Process T1 & T2 Fracture - RM40,000.00

[45] Peguam Plaintiff menghujahkan RM50,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Sesyen *Siti Selmi Sayut (Menuntut Sebagai Wakil Diri Harta Pesaka Sahrul Nizam Kamal, Si Mati) v. Abdul Wahid Muhammad Rozali & Anor* [2021] 1 PIR 7 apabila Mahkamah mengawardkan sebanyak RM25,000.00 bagi kecederaan 'fracture of the T1 spinous process' dan RM25,000.00 untuk kecederaan 'fracture of the T3 right transverse process'.

[46] Mahkamah merujuk kepada julat kecederaan 'Fractures of 2-5 vertebra' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM22,000.00 ke RM42,000.00. Mahkamah juga merujuk kepada Laporan Perubatan Pakar Ortopedik Plaintiff yang menunjukkan Plaintiff masih mengalami kesakitan di bahagian tulang belakang Plaintiff apabila Plaintiff dalam keadaan duduk dalam jangka masa yang panjang. Mahkamah berpendapat award sebanyak RM40,000.00 adalah wajar dan berpadanan yang masih dalam julat antara RM22,000.00 ke RM42,000.00.

3. Neurogenic Bladder And Bowel - RM70,000.00

[47] Peguam Plaintiff menghujahkan RM80,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Sesyen *Theeban Vengadesh Govintarau Iwn. Shanmugam Adiyapan & Yang Lain* [2014] PILRU 165; [2015] 2 PIR 14 apabila Mahkamah mengawardkan sebanyak RM60,000.00 bagi kecacatan 'neurogenic bladder and bowel'. Peguam Defendan menghujahkan award sebanyak RM35,000.00 berpandukan kes Mahkamah Sesyen *Nurul Baidhatissakinah & Ors v. Baharin Salleh & Anor* [2019] 1 PIR 41 apabila Mahkamah mengawardkan RM30,000.00 bagi kecederaan 'bowel and urine incontinence'.



[48] Mahkamah merujuk kepada kedua-dua Laporan Perubatan Pakar Urologi dan Rehabilitasi Plaintiff dan Defendan yang mengesahkan keilatan Plaintiff tersebut. Kajian juga menunjukkan bahawa keilatan 'neurogenic bladder' boleh mengakibatkan komplikasi seperti jangkitan genital, jangkitan saluran kencing, batu karang, kerosakan buah pinggang dan uretra, pembentukan fistula, penyempitan uretra dan kanser pundi kencing. Doktor Pakar Rehabilitasi Plaintiff juga menyatakan bahawa risiko kekerapan Plaintiff untuk mendapat jangkitan saluran kencing juga meningkat. Bagi keilatan 'neurogenic bowel' pula, Doktor Pakar Rehabilitasi Plaintiff turut mengesahkan bahawa Plaintiff mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapat komplikasi daripada keilatan ini kerana kekurangan 'gut motility'.

[49] Mahkamah merujuk kepada julat kecederaan 'Bladder rupture' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM18,000.00 ke RM24,000.00 dan 'Rupture of ureter/urethra' adalah antara RM12,000.00 ke RM18,000.00. Mahkamah berpendapat award sebanyak RM70,000.00 adalah wajar dan berpadanan dengan kecederaan yang dialami oleh Plaintiff mengambil kira risiko komplikasi yang Plaintiff akan hadapi pada masa hadapan.

4. Erectile Dysfunction - RM80,000.00

[50] Peguam Plaintiff menghujahkan RM80,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Sesyen *Soh Ching Hock v. Rajan Sadasivar & Anor* [2016] PILRU 50; [2016] 2 PIR 44 apabila Mahkamah mengawardkan sebanyak RM70,000.00 bagi kecacatan 'erectile dysfunction'. Peguam Defendan menghujahkan sebanyak RM40,000.00 berpandukan kepada Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018. Mahkamah merujuk kepada julat kecederaan 'Erectile dysfunction' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM24,000.00 ke RM60,000.00. Rujukan kepada kedua-dua Doktor Pakar Urologi dan Rehabilitasi Plaintiff dan Defendan juga telah mengesahkan keilatan 'erectile dysfunction' Plaintiff. Mahkamah merujuk kepada Laporan Doktor Pakar Urologi Plaintiff seperti berikut:

"2. Penile erection: There was erectile dysfunction (RD), with an erection hardness score of 1-2 over a scale of 4 (4 = full normal erection; 1 = no erectile at all). Morning erection was absent. Ejaculation and orgasm could not be achieved. The libido was intact. Prior to the accident, the penile erection was normal. The patient had no prior experience of sexual intercourse".

[51] Walaupun julat paling tinggi adalah berjumlah RM60,000.00, Mahkamah berpendapat award sebanyak RM80,000.00 adalah wajar dan berpadanan dengan masalah 'erectile dysfunction' Plaintiff kerana walaupun Plaintiff masih belum berkahwin, Mahkamah mengambil kira faktor umur Plaintiff yang masih muda dan keinginan Plaintiff untuk berkahwin pada masa hadapan.

5. Closed Fracture Of Right Clavicle With 1 cm Shortening - RM28,000.00



[52] Peguam Plaintiff menghujahkan RM35,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Sesyen *Rugayah Mamat v. Xavier Thamboo (Abu Kassim Kamaruddin & Anor - Third Parties)* [2022] 1 PIR 9 yang mengawardkan sebanyak RM28,000.00 bagi kecederaan 'malunited fracture midshaft of the left clavicle with 1 cm shortening'. Peguam Defendan pula menghujahkan sebanyak RM20,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Majistret *Partiban Paidthaly v. Khairunurashid Chek Wan Fadzilah* [2019] 1 PIR 61 apabila Mahkamah mengawardkan sebanyak RM20,000.00 bagi 'fracture midshaft of the left clavicle'.

[53] Mahkamah merujuk kepada julat kecederaan 'Clavicle' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM13,000.00 ke RM28,000.00. Menurut laporan Pakar Ortopedik Plaintiff, Plaintiff mengalami 'mild deformity pada bahagian tulang kanan 'clavicle' Plaintiff. Plaintiff mengalami kecederaan tersebut kerana beliau mengalami kecacatan '1 cm shortening' dan ia merupakan kecacatan kekal. Kecacatan tersebut juga boleh menyebabkan 'secondary osteoarthritis'. Plaintiff juga mengatakan bahawa beliau masih merasa sakit apabila Plaintiff kerap menggunakan 'upper limb' sebelah kanan. Mahkamah berpendapat award sebanyak RM28,000.00 adalah wajar dan munasabah kerana Plaintiff merupakan seorang 'paraplegic' dan beliau akan kerap menggunakan anggota bahagian atas badan. Keadaan ini akan menyebabkan Plaintiff akan merasa sakit yang lebih teruk pada masa akan datang.

6. Closed Fracture Of Right 1st, 2nd, 3rd, 5th 4th, 6th And 7th Ribs - RM35,000.00

[54] Peguam Plaintiff menghujahkan RM35,000.00 dengan merujuk kepada julat kecederaan 'Per rib' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM4,000.00 ke RM5,000.00 bagi setiap tulang rusuk. Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff bahawa memandangkan Plaintiff mengalami kecederaan tujuh (7) batang tulang rusuk kanannya, maka award sebanyak RM35,000.00 adalah wajar bagi kesemua tujuh (7) batang tulang rusuk kanan Plaintiff tersebut.

7. Closed Fracture Of Left 1st And 2nd Ribs - RM10,000.00

[55] Peguam Plaintiff menghujahkan RM10,000.00 dengan merujuk kepada julat kecederaan 'Per rib' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM4,000.00 ke RM5,000.00 bagi setiap tulang rusuk. Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff bahawa memandangkan Plaintiff mengalami kecederaan dua (2) batang tulang rusuk kirinya, maka award sebanyak RM10,000.00 adalah wajar bagi kesemua dua (2) batang tulang rusuk kiri Plaintiff tersebut.

8. Lung Contusion - RM10,000.00

[56] Peguam Plaintiff menghujahkan RM10,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Majistret *Syahrul Nizam Bahari & Anor v. Siti Farah Nabila*



Abd Sahak & Anor [2018] PILRU 129; [2019] 2 PIR 60 apabila Mahkamah mengawardkan sebanyak RM8,000.00 bagi kecederaan 'lung contusion'. Peguam Defendan menghujahkan sebanyak RM24,000.00 bagi 'multiple rib fractures with lung contusion' tanpa memisahkan award berasingan bagi 'lung contusion' sahaja.

[57] Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff kerana walaupun kemalangan yang menimpa Plaintiff berlaku pada tahun 2019, tetapi kes Plaintiff dibicarakan pada tahun 2023 dan diputuskan keputusan pada tahun 2024. Maka Mahkamah berpendapat award RM10,000.00 bagi kecederaan 'lung contusion' adalah wajar kerana bagi kecederaan yang sama, kes pada tahun 2019 seperti rujukan oleh peguam Plaintiff award yang diberikan adalah berjumlah RM8,000.00.

9. Moderate Traumatic Brain Injury With Acute SAH Bifrontal, Left Parietal And Left Tentorium Cerebelli - RM200,000.00

[58] Peguam Plaintiff menghujahkan RM200,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Sesyen *Michael Vincent v. Mohanraj Sandran & Anor* [2014] PILRU 72; [2015] 2 PIR 49 apabila Mahkamah mengawardkan sebanyak RM100,000.00 bagi kecederaan 'moderate traumatic brain injury'. Peguam Defendan pula menghujahkan sebanyak RM150,000.00 berpandukan kes Mahkamah Sesyen *Amierul Hanif Mokhtar & Anor v. Tan Loo Yean* [2017] PILRU 5; [2018] 1 PIR 33 apabila Mahkamah mengawardkan sebanyak RM150,000.00 bagi 'severe head injury with Glasgow coma score of 5/15'.

[59] Mahkamah merujuk kepada Laporan Perubatan Awal Jabatan Kecemasan Hospital Selayang dan Laporan Perubatan Awal Jabatan Pembedahan Neuro Hospital Sungai Buloh yang menunjukkan bacaan Glasgow Coma Scale (GCS) Plaintiff apabila sampai di Jabatan Kecemasan Hospital Selayang adalah amat rendah iaitu GCS 10/15. Apabila Plaintiff diintubasi, bacaan GCS Plaintiff makin menurun ke skala GCS 2/15. GCS merupakan skala klinikal yang digunakan untuk mengukur tahap kesedaran seseorang selepas mengalami sebarang kecederaan kepala dan/atau otak.

[60] Mahkamah juga merujuk kepada Laporan Perubatan Pakar Neurosurgeri Plaintiff yang mengesahkan bahawa Plaintiff masih mengalami kecacatan dan keilatan seperti berikut:

- a) Physical disability - he has some degree of deafness in both ears (worse in left);
- b) Cognitive disability - he has impaired immediate recall, impaired delayed verbal recall;
- c) Behavioural symptoms - he suffers from some symptoms or impaired behavioural function; dan
- d) Subjective symptoms - he suffers from vertigo and left tinnitus.



[61] 'MRI findings' yang dibuat oleh Doktor Pakar Neurosurgeri Plaintiff juga menunjukkan seperti berikut:

"An MRI Scan performed on 20 April 2021, showed areas of parenchymal loss in left pre and post central gyri, in left temporal lobe. There was superficial siderosis over the left temporal and left posterior parietal lobes. There were small, multiple, discrete areas of signal hypointensity (microbleeds) in the subcortical white matter of both frontal, temporal and parietal lobes, in the Susceptibility Weighted (SWI) Sequences (Figures 1,2). There were areas of T2 FLAIR hyperintensity in the white matter. There was some loss of volume in the corpus callosum..."

[62] Doktor Pakar Neurosurgeri Plaintiff seterusnya menyatakan seperti berikut:

"...It is important to note that the corpus callosum is the structure for communication of sensory, motor and higher-order information between 2 cerebral hemispheres. MRI evidence of Diffuse Axonal Injury as demonstrated by presence of microbleeds, has been shown to be associated with persistent cognitive impairment especially in memory and executive functions and impaired functional capacity..."

[63] Mahkamah juga merujuk kepada Laporan Doktor Pakar Neurosurgeri Defendan yang menyatakan akibat kecederaan kepala tersebut, Plaintiff masih mengalami kecacatan dan keilangan seperti pening kepala, perubahan 'personality' serta kemerosotan daya ingatan dan kesemua kecacatan dan keilangan tersebut adalah kekal. Berdasarkan Laporan Perubatan Pakar Neurosurgeri daripada kedua-dua belah pihak, Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff bahawa kecederaan Plaintiff ini telah menyebabkan kecacatan dan keilangan neurokognitif yang kekal kepada Plaintiff. Mahkamah juga berpendapat bahawa kecacatan dan keilangan tersebut sudah pasti akan menghalang Plaintiff daripada Plaintiff menjalankan aktiviti seharian dan menjalankan tugas beliau sebagai pekerja. Di dalam kes *Michael Vincent v. Mohanraj Sandran & Anor [2015] (supra)*, award sebanyak RM100,000.00 diberikan bagi kecederaan 'moderate traumatic brain injury'. Dalam kes tersebut, bacaan skala GCS Plaintiff tersebut juga sama seperti skala GCS Plaintiff dalam kes ini iaitu sebanyak 10/15. Memandangkan kes tersebut diputuskan pada tahun 2015, award sebanyak RM200,000.00 adalah wajar dan munasabah pada tahun 2024.

10. Temporal Bone Fracture - RM20,000.00

[64] Peguam Plaintiff menghujahkan RM20,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah *Kamarul Sham Awang v. Muhammad Zulhelmi Hasni & Anor [2016] PILRU 14; [2017] 1 PIR 24* apabila Mahkamah mengawardkan sebanyak RM15,000.00 bagi kecederaan 'fracture of the left temporal bone'. Mahkamah merujuk kepada julat kecederaan 'Parietal/Temporal/Frontal/Occipital/Sphenoid None or base of skull and other related fractures' dalam Revised Compendium of Personal Injury



Awards 2018 adalah antara RM12,000.00 ke RM18,000.00. Bagi kecederaan ini, award RM20,000.00 adalah munasabah walaupun melebihi julat maksimum kerana award sebanyak RM15,000.00 yang diputuskan dalam kes *Kamarul Sham Awang v. Muhammad Zulhelmi Hasni & Anor [2017] (supra)* adalah pada tahun 2017.

11. Personality Changes - RM50,000.00

[65] Peguam Plaintiff menghujahkan RM50,000.00 dengan merujuk kepada julat bagi 'Mild personality or behavioural changes' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM24,000.00 ke RM48,500.00. Mahkamah merujuk kepada Laporan Doktor Pakar Neurosurgeri Defendan yang telah mengesahkan keadaan 'personality' Plaintiff seperti berikut:

"There remain noticeable changes in his personality. He remains emotional and can be child like at times."

[66] Walaupun Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 menganggarkan sebanyak RM24,000.00 hingga RM48,500.00, Mahkamah berpendapat award sebanyak RM50,000.00 adalah wajar kerana Plaintiff masih muda dan perubahan tingkah laku Plaintiff sudah pasti akan menjejaskan karier Plaintiff sebagai Pembantu Peribadi merangkap Pegawai Pemasaran.

12. Severe Anxiety, Severe Stress And Extremely Severe Depression - RM50,000.00

[67] Peguam Plaintiff menghujahkan RM70,000.00 dengan merujuk kepada julat bagi 'Depression (mild- major)' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM5,000.00 ke RM25,000.00 dan 'Post-traumatic stress disorder' sebanyak RM15,000.00. Mahkamah merujuk kepada pemeriksaan Doktor Pakar Rehabilitasi Defendan yang menyatakan bahawa Plaintiff turut mengalami 'severe anxiety, severe stress and extremely severe depression'. Doktor Pakar Rehabilitasi Defendan memberikan pendapat seperti berikut:

"9. DASS21 screening indicated that Mr Iqbal is experiencing "extremely severe" depression and severe stress and anxiety...Depression symptoms may lead to many problems among individual with SCI including more secondary complications and less community and social integration (Khazaepour et al,2015). Mr Iqbal is 3 years post injury and his severity of his depression base on DASS21 is concerning..."

[68] Mahkamah berpendapat bahawa 'depression, anxiety dan stress disorder' tidak boleh dipandang ringan. Ketiga-tiga penyakit tersebut boleh memberi kesan dan impak negatif kepada kesihatan tubuh badan Plaintiff. Oleh itu Mahkamah membenarkan award sebanyak RM50,000.00 bagi 'Severe anxiety, severe stress and extremely severe depression' yang merupakan jumlah julat maksimum RM40,000.00 bagi 'Depression (mild - major)' dan 'Post- traumatic



stress disorder' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018. Walaupun tiada anggaran award dianggarkan bagi 'anxiety' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018, Mahkamah membenarkan award sebanyak RM10,000.00 bagi 'anxiety' yang dialami oleh Plaintiff kerana masalah 'anxiety' yang dialami oleh Plaintiff boleh menyebabkan beberapa kesan-kesan seperti 'panic attacks', 'headache', 'irritability' dan lain-lain.

13. Multiple Facial Fractures - RM130,000.00

[69] Peguam Plaintiff menghujahkan RM150,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Sesyen *Selvarajoo Iyavoo Dan Satu Lagi Iwn. Raja Gobal Muniandy* [2018] PILRU 119; [2019] 1 PIR 51 apabila Mahkamah membenarkan award sebanyak RM100,000.00 secara global bagi kecederaan 'fractures of the anterior and medial wall of the right and left maxillary sinuses, Le Fort III fracture of the right lateral, inferior and medial orbital wall, left facial nerve weakness, left ramus mandible fracture and left zygomatic complex fracture'. Peguam Defendan menghujahkan sebanyak RM50,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Sesyen *Mohan Subaramaniam v. Azlan Shah Sarip @ Sharif & Anor* [2017] PILRU 29; [2019] 1 PIR 4 apabila Mahkamah membenarkan award sebanyak RM45,000.00 bagi 'multiple maxillofacial injuries and fractures'.

[70] Peguam Plaintiff berhujah bahawa Plaintiff telah mengalami 'multiple facial fractures' dan tulang-tulang muka Plaintiff mengalami keretakan dan/atau kepatahan. Mahkamah merujuk kepada Doktor Pakar Maksilofasial Plaintiff yang mengesahkan bahawa Plaintiff mengalami kecacatan dan keilatan seperti berikut:

- a) Clicking sound from the left jaw joint when opening his mouth;
- b) Restricted mouth opening; dan
- c) Deviation of the fractured nasal septum to the right.

[71] Mahkamah berpendapat bahawa award RM130,000.00 adalah wajar bagi kecederaan bagi lima belas (15) bahagian tulang muka Plaintiff yang telah retak dan/atau patah. Kecederaan tersebut juga telah menyebabkan kesan kecacatan pada wajah Plaintiff. Memandangkan pihak Defendan tidak merujuk Plaintiff kepada Doktor Pakar Maksilofasial Defendan untuk memeriksa kecacatan dan keilatan tersebut, maka Mahkamah menerima dan mengguna pakai Laporan Perubatan Pakar Maksilofasial Plaintiff bagi menentukan award kepada Plaintiff. Mahkamah juga merujuk kepada kes *Raja Gobal Muniandy v. Selvarajoo Lyavoo & Anor* [2019] (*supra*) yang menunjukkan Mahkamah membenarkan award sebanyak RM100,000.00 secara global. Di dalam kes tersebut, Plaintiff mengalamai keretakan dan/atau kepatahan sebanyak sembilan (9) tulang di bahagian muka manakala di dalam kes ini, Plaintiff mengalami keretakan dan/atau kepatahan sebanyak lima belas (15) tulang muka. Oleh itu award sebanyak RM130,000.00 adalah wajar dan munasabah.

14. Tinnitus - RM25,000.00



[72] Peguam Plaintiff menghujahkan RM25,000.00 dengan merujuk kepada julat bagi 'Tinnitus' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM12,000.00 ke RM24,000.00. Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff dan membenarkan award sebanyak RM25,000.00. Tambahan lagi, Doktor Pakar Maksilofasial turut mengesahkan kecederaan 'tinnitus' tersebut.

15. Bilateral Deafness - RM120,000.00

[73] Peguam Plaintiff menghujahkan RM150,000.00 dengan merujuk kepada julat bagi 'Complete loss of hearing in both ears' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM110,000.00 ke RM120,000.00. Mahkamah membenarkan award sebanyak RM120,000.00 yang merupakan jumlah anggaran maksimum dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018.

[74] Mahkamah merujuk kepada Doktor Pakar ENT Defendan yang mengesahkan bahawa Plaintiff mengalami 'bilateral deafness'. Ini bermakna Plaintiff telah kehilangan pendengaran sepenuhnya pada kedua-dua belah telinga Plaintiff. Semasa Plaintiff memberikan keterangan, Mahkamah mendapati Plaintiff telah memakai alat bantuan pendengaran. Walaupun Plaintiff telah memakai alat bantuan pendengaran tersebut, Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff bahawa pemakaian alat tersebut secara berterusan boleh memberikan kesan sampingan kepada Plaintiff dalam jangka masa yang panjang seperti 'tinnitus', 'headache', 'soreness around the ears', 'skin irritations', 'itchy ear canals' dan 'inability to hear properly'.

16. Multiple Abrasion Wounds - RM5,000.00

[75] Peguam Plaintiff menghujahkan RM5,000.00 dengan merujuk kepada julat bagi 'Abrasions (single to multiple)' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM1,300.00 ke RM5,000.00. Peguam Defendan menghujahkan sebanyak RM4,000.00 dengan merujuk kepada kes Majistret *Lim Sock Tee v. Liaquat Ali D Abdul Hameed* [2019] 1 PIR 37 apabila Mahkamah membenarkan sebanyak RM4,000.00 bagi 'abrasion wounds (1 cm x 1 cm over right forearm, 2 cm x 2 cm over right shoulder, 2 cm x 2 cm over scapular region and 3 cm x 2 cm over right knee)'.

[76] Mahkamah membenarkan award sebanyak RM5,000.00 bagi 'Multiple abrasion wounds' yang merupakan julat tertinggi dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 kerana Plaintiff mengalami kecederaan 'abrasion wounds' pada bahagian bahu kanan dan kaki kanan.

17. Operation Scar - RM12,000.00

[77] Peguam Plaintiff menghujahkan RM15,000.00 dengan merujuk kepada julat bagi 'Operation scars' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 adalah antara RM2,750.00 ke RM12,000.00.



[78] Mahkamah membenarkan award sebanyak RM12,000.00 bagi 'Operation scar' yang merupakan julat tertinggi dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 kerana menurut Doktor Pakar Ortopedik Plaintiff, Plaintiff mengalami parut pembedahan di bahagian tulang belakang Plaintiff dan parut tersebut ialah parut kekal.

18. Left VI Nerve Palsy With Hypotrophy Of Left Lateral Rectus - RM30,000.00

[79] Peguam Plaintiff menghujahkan RM30,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Sesyen *Muthu Kumar Krishnan v. Vijaiyan Panir Selvam & Anor* [2018] PILRU 11; [2018] 1 PIR 58 yang membenarkan award sebanyak RM30,000.00 telah diberikan bagi kecederaan 'left facial nerve palsy'. Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Plaintiff yang merujuk kepada kes *Muthu Kumar Krishnan v. Vijaiyan Panir Selvam & Anor* [2018] (*supra*) dan membenarkan award sebanyak RM30,000.00.

19. Secondary Osteoarthritis - RM5,000.00

[80] Peguam Plaintiff menghujahkan RM5,000.00 dengan merujuk kepada julat bagi 'Osteoarthritis' dalam Revised Compendium of Personal Injury Awards 2018 sebanyak RM5,000.00. Mahkamah membenarkan award sebanyak RM5,000.00 kerana Plaintiff telah mengalami 1 cm shortening pada kecederaan 'closed fracture of right clavicle'. Doktor Pakar Ortopedik Plaintiff juga menyatakan bahawa kependekan tulang selangka (clavicle) akan menyebabkan 'Secondary osteoarthritis'.

20. Bed Sore - RM10,000.00

[81] Peguam Plaintiff menghujahkan RM10,000.00 dengan merujuk kepada kes Mahkamah Tinggi *Hairin Nizan Hanafi v. Pandithan Rasundran* [2017] MLRHU 1207 yang membenarkan award sebanyak RM5,000.00 bagi 'bed sore'. Mahkamah membenarkan award sebanyak RM10,000.00 bagi 'bed sore' kerana akibat daripada kecederaan paralisis (paralyse) yang dialami oleh Plaintiff, Plaintiff telah mengalami 'bed sore' yang telah disahkan oleh kedua-dua Doktor Pakar Rehabilitasi Plaintiff dan Defendan. Walaupun 'bed sore' Plaintiff telah sembuh, tetapi Plaintiff telah mengalami kesakitan dan kesengsaraan bagi ulser tersebut. Ia juga telah meninggalkan parut kekal pada bahagian 'sacrum' Plaintiff. Award sebanyak RM5,000.00 yang telah diputuskan dalam kes *Hairin Nizan Hanafi v. Pandithan Rasundran* [2017] (*supra*) adalah pada tahun 2017. Oleh itu, award sebanyak RM10,000.00 pada tahun 2024 bagi kecederaan 'bed sore' adalah wajar dan berpatutan kepada Plaintiff.

Ganti Rugi Khas

[82] Bagi ganti rugi khas, tiada alasan penghakiman disediakan memandangkan pihak-pihak telah merekodkan persetujuan bagi kesemua ganti rugi khas seperti yang direkodkan oleh Mahkamah seperti berikut:



B) Gantirugi Khas Atas Dasar 100% Liabiliti - RM1,757,974.00

1.	Item 1: Perbelanjaan Perjalanan Keluarga Melawat Plaintiff (dipersetujui)	-	RM1,000.00
2.	Item 2: Perbelanjaan Perjalanan Untuk Rawatan Pesakit Luar (dipersetujui)	-	RM4,000.00
3.	Item 3: Kos Perjalanan Diperiksa Doktor Pakar (dipersetujui)	-	RM2,000.00
4.	Item 4: Bil-bil Hospital (dipersetujui)	-	RM30,000.00
5.	Item 5: Kos-Kos Dokumen (Item 5 - 8)	-	Kos Tindakan
6.	Item 11: Kos Viagra (dipersetujui)	-	RM65,000.00
7.	Item 17: Kos Perubatan dan Rawatan Masa Hadapan (dipersetujui)	-	RM13,300.00
8.	Item 18: Kos Fisioterapi dan Pembedahan Masa Hadapan (Maxillo) (dipersetujui)	-	RM8,000.00
9.	Item 19 - 26: Kos-Kos Keperluan Perubatan dan Terapi (dipersetujui)	-	RM283,320.00
10.	Item 27 - 32: Kos-Kos Bagi Item-Item yang Disyorkan (dipersetujui)	-	RM1,200,354.00
11.	Item 34: Kos Alat Bantuan Pendengaran (dipersetujui)	-	RM36,000.00
12.	Item 35: Kehilangan Keupayaan Pendapatan (dipersetujui)	-	RM100,000.00
13.	Item 36: Kehilangan Pendapatan	-	RM15,000.00



(dipersetujui)

14. Item 9, 10, 12, 13, 15, 16, 33, 37, 38, - Dibatalkan
39 (ditarik balik)

[83] Mahkamah juga memutuskan bahawa tiada penolakan 1/3 bagi kontingensi wajar dilakukan bagi gantirugi masa hadapan. Mahkamah merujuk kepada kes *Intan Nirwana Intan Nirwana Sdn Bhd & Anor v. Srimahendran Lingam Maniam & Anor; Nayanasegar Haruskruhna (Third Party)* [2012] 2 MLRH 638 apabila Mahkamah Tinggi memutuskan seperti berikut:

"The approach used by the learned SCJ in the present case in adopting a direct multiplier of 40 years was, thus, not without basis or erroneous. The decision not to deduct 1/3 for contingencies could not be regarded as wrong in law or principle or in breach of s 28A(2) of the Civil Law Act. Being a claim for nursing care and other items for future use, the direct multiplier method could be used without any deduction being made. This ground of appeal that a wrong multiplier had been used by the learned SCJ in respect of the disputed items, therefore, fails."

[84] Mahkamah juga telah membenarkan faedah pada kadar 5% setahun bagi ganti rugi am dari tarikh penyerahan saman sehingga tarikh penghakiman dan 2.5% bagi ganti rugi khas dari tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman serta faedah 5% setahun atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh dan kos mengikut skala seperti yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Jumlah faedah ini adalah dibenarkan berdasarkan kepada s 11 Civil Law Act 1956 yang memperuntukkan bahawa:

"In any proceeding tried in and court for the recovery of any debt or damages, the court may if it thinks fit, order that there shall be included in the sum for which judgment is given, interest as such rate as it thinks fit on the whole or any part of the debt or damages..."

[85] Dalam kes Mahkamah Persekutuan *Murtadza Mohd Hassan v. Chong Swee Pian* [1979] 1 MLRA 307; [1980] 1 MLJ 216, Mahkamah menyatakan bahawa prinsip mengenakan faedah dalam kes kecederaan diri (personal injury) boleh dijumpai dalam *Mallal's Supreme Court Practice* 2nd Edition pada ms 26 seperti berikut:

"(1) The governing principle is that interest should be awarded to the plaintiff not as compensation for the damage done but for being kept out of money which ought to have been paid to him; *London, Chatham and Dover Rly Co v. South Eastern Ry Co* [1893] AC 429, per Lord Herschell LC at p 437, followed in *Wong Chong Chow v. Pan-*



Malaysian Cement Works Bhd [1980] 1 MLRA 675; [1980] 2 MLJ 75, (FC).

(2) ...

(3) On special damages, the interest should be half of the rate of interest on general damages..."

[86] Oleh itu, Mahkamah berpendapat kadar faedah yang diawardkan adalah sesuai dan berpatutan.

